

22/11/1999

Pemimpin pembangkang takut ukur sokongan rakyat: Khalil

KUANTAN, Ahad - Pemimpin parti pembangkang yang tidak sanggup mengemukakan diri untuk bertanding dalam pilihan raya umum pada 29 November ini, sebenarnya takut menghadapi cabaran bagi mengukur sokongan rakyat, kata Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob.

Beliau yang bertanding merebut kerusi Parlimen Kuantan, berkata sikap mereka itu hanya mahu kekal di atas reputasi sedia ada dan tidak mahu reputasi itu terjejas.

"Kalau berceramah mereka sering bercakap besar, tetapi mengambil pilihan tidak bertanding langsung.

"Sepatutnya, ulama Pas, Datuk Dr Harun Din perlu bertanding jika mahu mencabar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.

"Ini tidak berlaku dan mengggambarkan tokoh Pas seperti itu tidak yakin dengan tahap sokongan serta jentera yang boleh membantunya menghadapi pilihan raya umum pada 29 November ini," katanya ketika ditemui pada Majlis Hari Keluarga Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), di sini, hari ini.

Mengulas khabar angin beberapa tokoh penting barisan alternatif menang tanpa bertanding yang tersebar di seluruh negara, sebelum tempoh penamaan calon selesai, semalam, beliau berkata, Barisan Nasional (BN) mengetahui berita palsu itu dibuat parti lawan.

"Mereka memang suka menyebarkan perkara yang tidak betul. Saya juga membuat rujukan mengenai perkara itu, semalam dan sepatutnya kita tidak boleh tahu nama calon sebenar sehingga proses penamaan calon selesai jam 12.30 tengah hari.

"Tetapi jam 11 pagi khabar angin itu tersebar begitu cepat sekali dan ini adalah tanda kelemahan mereka serta ingin mengalih perhatian pengundi mengenai keadaan BN yang kuat.

"Kita bukan saja kurang senang mengenai perkara itu tetapi ini menunjukkan kelemahan parti lawan," katanya.

(END)